

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

---

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**JUL 401 – BAHASA MALAYSIA IV**

Masa : 2 jam

---

	Markah yang diperoleh
Soalan Bahagian A: Karangan (70 markah)	_____
Soalan Bahagian B: Membetulkan Ayat (30 markah)	_____
Jumlah:	_____
Gred:	_____

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEBELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Tuliskan jawapan anda pada ruangan yang disediakan.

Sila pastikan bahawa anda telah menulis angka giliran dengan betul. Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Soalan Bahagian A (Karangan) diperuntukkan 70 markah dan Bahagian B (Tatabahasa) 30 markah.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

**BAHAGIAN A: KARANGAN (70 markah)**

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 500-600 patah perkataan tentang **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Jawapan hendaklah ditulis di dalam ruang yang disediakan di dalam buku soalan ini.

**PERINGATAN:** Markah anda akan dipotong sekiranya terdapat kesalahan ejaan, penggunaan kata, imbuhan, struktur frasa dan ayat, lebih atau kurang daripada 500-600 patah perkataan dan tulisan sukar dibaca.

1. Buku-buku ilmiah pada peringkat pendidikan tinggi adalah penting untuk perkembangan budaya ilmu bagi sesebuah negara, tetapi di negara kita buku-buku seperti ini kurang mendapat sambutan di pasaran.

Bincangkan.

2. Institusi keluarga yang stabil ialah aset kepada negara kerana institusi ini dapat membantu melahirkan generasi muda yang berguna kepada masyarakat. Kemukakan pendapat anda.
3. Pada masa ini, terdapat banyak pasar raya dan kompleks beli-belah di negara ini, terutamanya di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Johor Bahru dan Pulau Pinang. Hal ini menimbulkan pelbagai kesan dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Bincangkan.

4. “Penyakit berbahaya seperti barah, sakit jantung, sakit buah pinggang dan kencing manis, yang kini menular dalam kalangan penduduk negara ini, berpunca pada keadaan hidup yang semakin mewah”.

Berikan ulasan anda tentang pernyataan ini.

5. Amalan merotan merupakan tindakan terakhir ke arah membendung salah laku dalam kalangan pelajar lelaki di sekolah. Baru-baru ini, ada cadangan supaya amalan ini juga perlu dikenakan kepada pelajar perempuan.

Bersetujukah anda dengan pendapat ini?













**BAHAGIAN B: TATABAHASA (30 markah)**

**Arahan:** Kenal pasti kesalahan bahasa dalam ayat-ayat di bawah. Kemudian, betulkan ayat-ayat dari aspek penggunaan imbuhan, ejaan, kata dan penyusunan struktur ayat.

1. Anak remaja sering terjerumus dalam kegiatan yang tidak berfaedah. Sebagai contoh, merokok, dadah, seks rambang, mencuri, dan kegiatan jenayah.

---

---

---

---

---

2. Pemberian wang saku yang banyak kepada anak-anak kerana ibu bapa tidak mempunyai masa untuk memberi perhatian terhadap mereka dan memenuhi wang saku yang banyak untuk mengembirakan hati anak-anak mereka.

---

---

---

---

---

3. Walaupun berbagai pihak menuduh kami menumpang dalam kejayaannya tetapi menganggap ia sebagai dugaan dan cabaran yang perlu diterima dengan tabah.

---

---

---

---

---

4. Latar belakang, secara singkat bolehlah anda menghurai penjajahan Inggeris dalam negara ini sehingga mengakibatkan timbulnya pemikir politik yang bersifat perkauman.

---

---

---

---

---

5. Sikap masyarakat masa kini yang tidak suka mengambil tahu apa yang berlaku di sekeliling mereka. Situasi ini boleh menggagalkan semangat kerajaan untuk mengujudkan masyarakat penyayang.

---

---

---

---

---

6. Negara kita walaupun penanaman padi merupakan salah satu kegiatan pertanian utama di negara ini tetapi masih perlu mengimport beras.

---

---

---

---

---

7. Dapat dikatakan dokumen yang bersifat rasmi dan ilmiah perlu merakamkan sebahagian besar dalam bentuk komunikasi bertulis.

---

---

---

---

---

8. Komunikasi tulisan memainkan peranan yang amat penting pada masyarakat yang tinggi tamadunnya, tetapi komunikasi lisan jauh lebih penting.

---

---

---

---

---

9. Untuk mendapat badan yang sihat mestilah rajin melibatkan diri dalam sukan, samada sukan berat dan ringan.

---

---

---

---

---

10. Sempena menyambut harijadi yang ke 17, ayah menghadiahkan Haslida sebuah komputer peribadi.

---

---

---

---

---